

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH  
[LENGGONG]**

**SOALAN : 419**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah sehingga kini pihak Suruhanjaya Pilihan Raya masih lagi gagal mengambil tindakan ke atas calon Pakatan Harapan (PH), M. Manogaran di atas kesalahan memakai baju logo parti di dalam pusat pengundian pada Pilihan Raya Kecil Parlimen Cameron Highlands yang jelas melanggar Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah membuat laporan polis pada **26 Januari 2019** terhadap Calon Pakatan Harapan, M. Manogaran bagi Pilihan Raya Kecil Parlimen P.078 Cameron Highlands. Berhubung dengan perkara tersebut, pihak polis sedang menjalankan siasatan dan SPR akan menunggu keputusan/*outcome* daripada siasatan pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.